

Mereka dakwa lebih layak perintah negara

Mahathir dedah kumpulan cuba musnah demokrasi

UM 18 AUG 1987

UM 18 AUG 1987

BALING 17 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan adanya percubaan untuk memusnahkan amalan demokrasi negara oleh golongan tertentu dalam kumpulan kecil di negara ini yang mendakwa mereka ahli cerdik pandai dan lebih layak untuk memerintah negara.

Sertak dengan itu Perdana Menteri berkata, golongan tersebut yang menganggap mereka lebih berkuasa dari rakyat sedang melakukan cubaan untuk menggunakan undang-undang untuk menolak wakil-wakil rakyat yang membentuk kerajaan.

Katanya, golongan tersebut yang dianggotai oleh kira-kira 200 hingga 300 orang mendakwa mereka adalah lebih berhak untuk membentuk undang-undang negara bahkan mereka menganggap kerajaan dengan mereka adalah sah sahaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mendedahkan golongan tersebut sengaja memburuk-burukkan menteri dan ketua-ketua kerajaan sebagai salah satu usaha untuk menghilangkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan, supaya

Oleh Abdul Hamid Mohamad

nanti mereka berpeluang berlagak sebagai kerajaan.

"Kita tidak boleh membiarkan perkara ini berlaku kerana ia akan menghakiskan kuasa rakyat yang mempunyai hak untuk menentukan kerajaan yang akan memerintah negara ini," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berucap melancarkan pembangunan mini estet pekebun kecil Daerah Baling di Kampung Sadek, Kupang tidak jauh dari sini hari ini. Turut hadir di majlis itu Menteri Besar, Datuk Sri Haji Osman Aroff. Kira-kira 10,000 orang penduduk termasuk para pekebun kecil Daerah Baling menghadiri majlis tersebut. Hadir sama Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah Datuk Dr. Sulaiman Daud dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Ariffin Raja Sulaiman.

"Saya khawatir tentang aliran yang kita lihat sekarang ini kerana golongan ini semakin lantang mendakwa kerajaan tidak ada hak, yang benar-benar berhak hanyalah mereka sahaja," katanya.

Beliau berkata golongan itu berpendapat wakil-wakil rakyat yang membentuk kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang keputusan tanpa merujuk kepada mereka terlebih dahulu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian golongan kecil tersebut tidak bersetuju dengan amalan demokrasi negara dan sekarang ini mereka sedang berusaha untuk membelakangkan suara ramai rakyat.

'Ada suara-suara sumbang kononnya rakyat tidak perlu diambil perhatian kerana mereka tidak tahu apa-apa, yang patut diberi perhatian ialah mereka yang terdiri dari golongan cerdik pandai sahaja,' kata beliau.

Menurut Perdana Menteri golongan tersebut mendakwa mereka berhak membuat dasar untuk kerajaan begitu juga mereka adalah berhak sama seperti kerajaan.

Tambah beliau golongan itu di samping berusaha mempengaruhi rakyat mereka juga sedang cuba memperalatkan orang-orang terkenal termasuk para pemimpin serta bekas-bekas pemimpin negara.

"Mereka boleh cuba

melakukan itu ini tetapi rakyat tidak boleh memberi hak ini kepada mereka kerana tindakan mereka itu sebenarnya satu usaha untuk menghakiskan kuasa mereka dalam negara demokrasi seperti Malaysia," jelas beliau.

Dalam hubungan ini Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat supaya sentiasa berwaspada bagi menghalang golongan tersebut dari merampas kuasa yang ada di tangan mereka.

"Kalau mereka berjaya maka kita tidak akan ada lagi amalan demokrasi seperti yang kita dapati selama ini, oleh itu kita mestilah sentiasa berhati-hati," kata beliau.

Beliau berkata orang-orang dalam kumpulan itu tidak boleh bertindak kerana mereka semata-mata berminat dengan sahaja.

Katanya, kalau mereka benar-benar ingin untuk berkuasa mengapa mereka tidak beranikan diri untuk bertanding di dalam pilihanraya umum.

"Mereka sebenarnya merupakan orang-orang yang bernasib baik kerana dapat mempengaruhi akhbar-akhbar serta para pemberita luar negeri untuk memuatkan kisah-perjuangan mereka," katanya.